



SEMINAR BULANAN 2008

SIRI WACANA DAN PEMIKIR ISLAM KONTEMPORARI

anjuran

The Reading Group, Singapore

www.thereadinggroup.sg

disokong oleh

Taman Warisan Melayu

[Malay Heritage Centre]

Julai-November 2008

Taman Warisan Melayu

85, Sultan Gate

Singapura 198501



Menelusuri perkembangan Islam semenjak dari abad kesembilan hingga ke hari ini adalah suatu renungan intelektual yang penting kerana daripada cetusan dan sanggahan daripada beberapa pemikir Islam, kita akan dapat memikirulang beberapa penetapan pemikiran yang jarang kita permasalahan dan persoalkan. Selain itu, rencaman pemikiran dari para intelektual Muslim ini dapat memperkenalkan kita kepada ranah-ranah Islamologi yang berlangsung di beberapa negara dan masyarakat Islam di Mesir, Indonesia, Iran, Afrika Selatan, benua kecil India dan dunia Arab.

Seminar ini berhasrat mencapai tiga matlamat utama:

1. Menggalakkan kesuburan budaya keilmuan dalam bertukar pendapat dan menyampaikan perspektif-perspektif kritis dan kreatif dalam ranah public Muslim setempat.
2. Mengikhtiarkan usaha agar dikenali tradisi keintelektualan Islam yang berbagai aliran pemikirannya, fokus, dan yang berlangsung di pelbagai negara Islam.

3. Mengenalpasti sejauhmana cetusan-cetusan idea dari para pemikir Islam ini dapat kita manfaatkan tatkala memperkukuh pemahaman kita serta usaha kita membangunkan budaya intelektual Islam yang ampuh di Singapura, khasnya yang dapat membantu kita untuk menyesuaikan dan mempersiapkan diri untuk menghadapi cabaran baru dalam kehidupan negara yang berbilang bangsa dan agama ini.

Siri seminar ini akan diadakan setiap bulan sekali. Para pembicara, yang terdiri dari kalangan inteligentsia muda masyarakat Melayu/Islam, akan membentangkan kertaskerja yang merangkumi gagasan-gagasan umum beberapa pemikir Islam kontemporari. Khalayak sasaran ialah para belia dan para siswa dari institut pengajian tinggi di maktab, politeknik dan universiti, walaupun ianya terbuka kepada orang ramai yang berminat.

Berikut adalah senarai topik yang akan dibicarakan sepanjang siri seminar ini:

- Sesi 1** : Sabtu, 19 Julai / 2.15-4.00ptg
Tajuk : Khaled Abou El Fadl dan Kaedah Baru Fiqh
Pembicara : Alfian Yasrif Kuchit, *Calon LL.M, Columbia Law School, USA*
- Sesi 2** : Sabtu, 30 Ogos / 2.15-4.00ptg
Tajuk : Rifaat al'Tahtawi: Ulama sebagai Inteligentsia Masyarakat Membangun
Pembicara : Azhar Ibrahim Alwee, *PhD, National University of Singapore*
- Sesi 3** : Sabtu, 20 September / 2.15-4.00ptg
Tajuk : Abdul Ghafar Khan dan Wacana Perdamaian
Pembicara : Mohammad Rafiz Mohyi Hapipi, *Calon Master of Training & Development, University of Southern Queensland, Australia*
- Sesi 4** : Sabtu, 25 Oktober / 2.15-4.00ptg
Tajuk : Harun Nasution dan Pembaharuan Pendidikan Islam
Pembicara : Mohamed Imran Mohamed Taib, *Calon MA, National University of Singapore*
- Sesi 5** : Sabtu, 29 November / 2.15-4.00ptg
Tajuk : Abdolkarim Soroush dan Demokrasi dalam Islam
Pembicara : Muhammed Shahril Shaik Abdullah, *Bachelor of Multimedia Studies, Central Queensland University, Australia*

Untuk mendaftarkan diri dan keterangan lanjut, sila hubungi:

Muhammad Shahril
Koordinator, The Reading Group
Email : shahril@thereadinggroup.sg
Telefon : +65 91068846